

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DR. ISMAIL BIN DAUT [ MERBOK ]**

**TARIKH :**

**SOALAN :**

**YB Dr. Ismail bin Daut [ Merbok ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan hasil siasatan berhubung dakwaan terdapat madu yang diimport dari luar negara mengandungi bahan toksik yang merbahaya kepada pengguna

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memantau makanan di pasaran tempatan sama ada makanan yang diimport atau makanan keluaran tempatan bagi memastikan makanan dijual adalah selamat dan mematuhi kehendak Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Dari segi makanan yang diimport, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak pengimport untuk memastikan makanan yang dibawa masuk oleh mereka adalah selamat dan mematuhi perundangan negara.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Semenjak 1 Disember 2006, KKM telah mengenakan syarat untuk semua madu yang diimport ke Malaysia disertakan dengan sijil kesihatan dari pihak berkuasa negara pengeksport yang mengesahkan keselamatan madu tersebut.

Bagi aktiviti pemantauan terhadap makanan madu yang diimport masuk ke negara ini, semenjak tahun 2015 hingga Jun 2016 sebanyak 811 konsainan madu diperiksa di mana 140 sampel madu diambil untuk dianalisis. Daripada jumlah sampel yang diambil, dua (2) sampel madu didapati melanggar Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas pengimport terlibat. Selain daripada itu, notifikasi mengenai perlanggaran sampel madu terlibat juga dibuat kepada negara pengeksport bagi membolehkan penyiasatan dan tindakan diambil oleh negara pengeksport ke atas pengeluar madu terbabit dan juga bagi memastikan pengeksportan makanan yang sama tidak berulang.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Dengan penguatkuasaan di pintu masuk secara berterusan, KKM memberi jaminan kepada rakyat Malaysia bahawa risiko bahaya daripada madu import adalah pada tahap yang rendah